



SURIANI (empat dari kiri) bersama delegasi KUSKOP bergambar kenangan di dalam kampus Universiti Malaysia Pahang, Pekan, Pahang baru-baru ini.

**Kampus**



**K**UNJUNGAN Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Suriyani Ahmad ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) diraikan dengan pelbagai aktiviti bersama pegawai serta pelajar.

Aktiviti tersebut dianjurkan sempena program Sembang Santai 100 Tahun Gerakan Koperasi yang berlangsung di UMP, Pekan, Pahang baru-baru ini.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah berbasikal sekitar kampus, sesi sembang santai dan penyerahan replika cek geran kepada tujuh penerima yang dipilih oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Bagi aktiviti berbasikal, pihak UMP telah membawa Suriyani dan delegasi mengelilingi kampus sambil menikmati pemandangan indah kawasan sekitar. Aktiviti itu juga sebagai menyokong gaya hidup sihat serta kelestarian kampus.

Aktiviti berbasikal itu turut disertai oleh Timbalan Pengerusi, Koperasi UMP, Zaimuddin Mat Husin, ahli-ahli lembaga

# UMP anjur aktiviti berbasikal sempena kunjungan KUSKOP



PARA peserta aktiviti berbasikal telah dilepaskan oleh wakil UMP di depan bangunan Canselorji Tian Abdul Razak.

pengarah dan ahli jawatankuasa Koperasi UMP.

Turut hadir adalah Naib Pengerusi Eksekutif Operasi dan Kawal Selia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia,

Siti Azlin Ahmad Dauti, Setiausaha Bahagian Pembangunan Koperasi, Penaja dan Peniaga Kecil, KUSKOP, Azizul Alias dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri

Pahang, Ibrahim Hussin.

Semasa sesi sembang santai, Suriyani turut menzahirkan rasa terima kasih kepada UMP dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas penganjuran bersama program tersebut.

Dia turut mengucapkan tahniah kepada koperasi UMP kerana melaksanakan program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JKMM) bagi membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh pelajar.

"Saya yakin dengan pelaksanaan program ini, pelajar akan mendapat diskaun bagi barang tertentu. Mereka juga dapat menjimatkan kewangan untuk tujuan lain," ujarnya.

Suriyani turut menyeru agar koperasi mula mengorak langkah dalam aktiviti pemasaran.

Ujarnya, koperasi perlu beralih daripada menjalankan perniagaan secara konvensional kepada adaptasi teknologi dan digitalisasi dalam penawaran produk.

"Pemasaran menerusi platform digital dan pembayaran secara dalam talian merupakan norma baharu yang penting kepada perniagaan.

"Koperasi juga perlu mempelajari selok-belok menggunakan platform digital untuk meluaskan skop perniagaan.

"Platform digital mampu menjadi perantara terbaik untuk produk dan perkhidmatan koperasi lebih dikenali," katanya.

Dia juga berharap koperasi dapat berfungsi sebagai satu wadah dan entiti kerjasama yang memberi manfaat kepada ekonomi masyarakat dan negara.

Sementara itu, Zaimuddin memaklumkan, Koperasi UMP telah beroperasi sejak tahun 2011 dan kini mempunyai lebih 500 orang ahli.

Ujarnya, selain aktiviti peruncitan, Koperasi UMP turut menawarkan perkhidmatan pembiayaan kredit kepada ahli.



AKTIVITI berbasikal tersebut dianjurkan bagi menyokong gaya hidup sihat serta kelestarian kampus.